

Tangani isu sensitif di alam maya

SitiHarian 12/10/2014 m/s: 39

BATU PAHAT – Penguasaan media maya khususnya alam siber perlu digunakan dengan lebih bertanggungjawab oleh generasi muda agar kestabilan perpaduan negara terus dipelihara.

Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim selaku Pro-Canselor Universiti Tun Hussien Onn Malaysia (UTHM) bertitah, isu sensitif yang menyentuh kedudukan agama, institusi raja, warisan dan adat sesuatu kaum serta undang-undang negara yang kini sering berlegar di media baharu perlu ditangani secara matang.


Jika sikap tidak bertanggungjawab berkenaan terutamanya oleh segelintir generasi muda ini tidak dibendung segera oleh pihak yang berwajib, dibimbangi ia akan meruntuhkan asas perpaduan negara yang kita nikmati selama ini.

“Di sinilah pentingnya peranan generasi muda dari kalangan intelek, seperti graduan sebagai peneraju dalam menggalak dan menyuburkan sikap matang serta bertanggungjawab memelihara kestabilan perpaduan negara,” titahnya semasa Majlis Konvokesyen UTHM Ke-14, semalam.

Dalam majlis konvokesyen tersebut, Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Dr Ali Hamsa dilantik sebagai Pro-Canselor UTHM.

Pelantikan Ali adalah atas perkenan

Tunku Ismail berkenan menyampaikan watikah Pemasyuran Pro-Canselor kepada Tan Sri Dr Ali Hamsa pada majlis Konvokesyen ke-14 UTHM di Dewan Sultan Ibrahim, semalam.



Canselor UTHM Sultan Ibrahim Sultan Iskandar dan watikah pelantikan Pro-Canselor itu diserahkan kepada Ali oleh Tunku Ismail.

Dengan pelantikan itu, UTHM kini memiliki dua Pro-Canselor iaitu Tunku Ismail yang dimasyhurkan pada tahun 2010 dan juga Ali yang dilantik pada sidang pertama konvokesyen semalam.

Ali yang berasal dari Kluang, Johor memiliki Ijazah Kedoktoran Sains Alam Sekitar dan Ekonomi dari Oklahoma State University, Amerika Syarikat.

Selain dilantik sebagai Ketua Setiausaha Negara pada 2012, beliau juga merupakan penulis bersama dua buku iaitu ‘Dasar-Dasar Utama Kerajaan’ (1997) dan ‘Malaysia Kita’

(1998) yang menjadi rujukan utama penjawat awam negara ini.

Konvokesyen pada semalam turut menganugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah kepada Presiden Nagaoka University of Technology Prof Emeritus Dr Koichi Niihara (Kejuruteraan Mekanikal), Prof Dr Georg Spottl dari Universiti Of Bremen, Jerman (Pendidikan Teknikal dan Vokasional) dan bekas pemain badminton negara Datuk Misbun Sidek (Pembangunan Insan).

Konvokesyen selama tiga hari bermula semalam turut menyaksikan 3,477 orang siswazah pelbagai jurusan menerima Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana, Sarjana Muda dan Diploma masing-masing.